PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the GX Card. Be sure to also read GXBank's Terms and Conditions Governing Retail Banking Products and Services.

GX Bank Berhad ("**GXBank**")

GX Debit Card ("**GX Card**")

As of 31 December 2024

1. What is this product about?

The GX Card is a payment instrument that allows you to pay for goods and services online and at participating retail and service outlets, both locally and overseas. It also allows you to withdraw cash from local and overseas Automatic Teller Machines (ATMs). You are required to maintain a GX Account with us which shall be linked to your GX Card and you must have sufficient funds in the main account of your GX Account ("Designated Account") in order to perform transactions through the use of the GX Card. If you close your GX Account, your GX Card will automatically be cancelled.

When using the GX Card at retail merchants in Malaysia, merchants may choose to accept and process the payment made using the GX Card through either MyDebit or Mastercard network. Please note that the choice of network is at the discretion of the merchant, and you will not be able to request the merchant to change their selected network.

2. What do I get from this product?

You can use your GX Card for the following:

- **Conveniently make payments**
  Purchase goods and services at all participating merchants worldwide, either at Point Of Sale (POS) terminal or by way of Card-Not-Present (CNP) transactions (e.g. online transactions). Your GX Card may only be used overseas and for CNP transactions after you have opted to do so.

- **Tap to pay with contactless feature**
  Make retail purchases by tapping your GX Card on a POS terminal with a contactless reader. No PIN is required for each contactless transaction up to RM250 in Malaysia.

- **Withdraw cash locally and overseas**
  Withdraw cash from local and overseas ATMs with display of the MEPS and Mastercard logo from ATMs worldwide.

Other features of the GX Card include:

- **Card Personal Identification Number (PIN)**
  - Upon activation of your GX Card, you are to create a 6-digit card PIN, which will be used to authenticate your card purchases at PIN-enabled terminals and cash withdrawals.
  - If your GX Card is used for online purchases that require strong authentication, you will receive an in-app push notification via your GX Mobile Application ("GX App").
  - Please keep your card PIN and mobile device safe, secure and strictly confidential at all times to mitigate unauthorised or fraudulent transactions using your GX Card.

- **Enable overseas and Card-Not-Present (CNP) transactions**
  - By default, overseas transactions and CNP transactions such as online purchases, mail orders, fax orders, or telephone orders are disabled.
  - You must turn on these features before you can use your GX Card for overseas and CNP transactions. You may turn on these features during virtual card and/ or physical card creation or when logged in to the GX App.
  - You may choose to turn on or turn off these features at any time via the GX App.

- **Set daily transaction limits**
  - Set your transaction limits in the GX App according to your comfort level. These limits are determined by the maximum limit for each transaction type. Below are the default and maximum limits for each transaction type:

Transaction Limit	Default Daily Limit (RM)	Maximum Daily Limit (RM)
ATM Withdrawal Limit	1,500	10,000
PIN & PAY Transaction Limit	3,000	10,000
Online Transaction Limit	3,000	10,000
Contactless Transaction Limit	500	1,000

  - You may set the daily transaction limits to RM0 if you do not want to have the purchase or withdrawal function on your GX Card.

3. What are the fees and charges I have to pay?

No.	Fees and Charges	Frequency	Amount
1.	New card issuance fee (physical card)	Upon activation	RM 12.00*
2.	Annual fee (physical card)	Annual basis	RM 0.00
3.	Card replacement fee (physical card)	Per card	RM 12.00*
4.	Domestic cash withdrawal fee (via MEPS SAN)	Per transaction	RM 1.00*
5.	Overseas cash withdrawal fee (via Mastercard) *Note: This refers to only the fee charged by GXBank. This excludes any third-party charges, such as ATM access fees charged by banks overseas, which is to be borne by the customer.*	Per transaction	RM 0.00
6.	Balance inquiry (via MEPS SAN and Mastercard)	Per transaction	RM 0.00
7.	Foreign transaction fee	Per transaction	1.2%* administration fee by GXBank on the amount transacted in foreign currency or amount transacted overseas with the GX Card. Currency conversion rate is determined by Mastercard.

**GXBank's fees are waived until 6 May 2025, or such other date as determined by GXBank from time to time with prior notice.*

4. What are the key terms and conditions?

Pre-authorisation amount for petrol and non-petrol transactions
When you use your GX Card at self-service pumps (automated fuel dispensers) at a petrol station, a pre-authorisation hold amount of up to RM200 (or such other amount determined by the petrol station) will be placed on your Designated Account. GXBank will then post the exact transaction amount and release any remaining on-hold amount from your Designated Account within three (3) calendar days for MyDebit transactions and within seven (7) calendar days for Mastercard transactions after the transaction date.

When you use your GX Card at non-petrol merchants, a pre-authorisation hold amount determined by the merchant or GXBank will be placed on your Designated Account. GXBank will post only the exact transaction amount and release any remaining on-hold amount from your Designated Account within thirty (30) calendar days after the merchant settles the transaction.

If your Designated Account does not have enough available balance to cover the pre-authorisation amount, the petrol or non-petrol transaction will be rejected.

Contactless feature
The usage of the GX Card for contactless transactions without card PIN verification is limited to a maximum of RM250 in Malaysia. The maximum contactless limit per transaction in other countries is subject to the limit defined in the respective country. If your contactless purchases exceed the cumulative contactless purchase limit, you will be required to enter your card PIN to authorise the transaction. You have the option to turn on or turn off the contactless function by setting your daily contactless limit to RM0 via the GX App.

5. What if I fail to fulfil my obligations?

You must always use reasonable precautions to prevent the loss and theft of your GX Card. You are responsible to safekeep your GX Card and not disclose the details and card PIN to anyone. You will be liable for unauthorised transactions, including but not limited to online transactions and physical transactions which require the card PIN or signature verification or the use of the contactless function, if you have:

- acted fraudulently;
- delayed in notifying us as soon as reasonably practicable upon discovering the loss or unauthorised use of your GX Card;
- voluntarily disclosed your card PIN to another person, or allowed another person to use your GX Card;
- recorded your card PIN on your physical GX Card, or anything kept in close proximity with your physical GX Card; or
- left your GX Card or item containing your GX Card unattended in places visible and accessible to others.

We have the right to terminate your GX Card if you fail to abide by the GXBank's Terms and Conditions Governing Retail Banking Products and Services.

6. What are the major risks?

If your GX Card is lost, stolen, or your card details or card PIN has been compromised, third parties may use your GX Card by the following means (which are not exhaustive):

- Domestic retail purchases at POS terminals and ATM cash withdrawals;
- Overseas retail purchases at POS terminal and ATM cash withdrawals (if you have enabled overseas transactions);
- CNP transactions including non-3D secure transactions which are not authenticated via GXBank's in-app authentication (if you have enabled CNP transactions).

If your GX Card is lost, stolen, your card details or card PIN has been compromised, or an unauthorised transaction has been conducted using your GX Card, you should notify us immediately to enable us to block or cancel your GX Card. You may also temporarily freeze your GX Card to stop

further transactions from being performed on your GX Card or cancel your GX Card and create a new card with new card details via the GX App.

7. What do I need to do if there are changes to my contact details?

You should inform us of any change to your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. You may update your contact details via the GX App.

8. Where can I get further information or assistance?

For further information or assistance on the GX Card, you may contact us at:

Website	www.gxbank.my
Customer Service	24/7 Customer Support: In-app live chat 24/7 Support Hotline: +603 7498 3188 Support Email: ask@gxbank.my
Correspondence Address	Lot 5.01, Level 5, 1 First Avenue, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

If your query or complaint is not satisfactory to you, you may contact Bank Negara Malaysia (BNM) at:

BNMLINK	Tel: 1-300-88-5465 Web form: https://bnmlink.bnm.gov.my/

9. Are there any other debit card products available?

No.

The information provided in this disclosure sheet is valid as of 31 December 2024.

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Kad GX. Pastikan anda juga membaca Terma-Terma dan Syarat-Syarat Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit.

GX Bank Berhad ("**GXBank**")

Kad Debit GX ("**Kad GX**")

Setakat 31 Disember 2024

1. Apakah produk ini?

Kad GX ialah instrumen pembayaran yang membolehkan anda membeli barangan dan perkhidmatan dalam talian dan di peniaga runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian, dalam dan luar negara. Ia juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai daripada Mesin Tunai Automatik (ATM) tempatan dan luar negara. Anda dikehendaki mengekalkan Akaun GX dengan kami yang akan disambungkan kepada Kad GX anda dan anda mesti mempunyai wang yang mencukupi di dalam akaun utama Akaun GX anda ("Akaun Ditetapkan") untuk melakukan sebarang transaksi melalui penggunaan Kad GX. Jika anda menutup Akaun GX anda, Kad GX anda akan dibatalkan secara automatik.

Apabila menggunakan Kad GX di peniaga runcit di Malaysia, peniaga boleh memilih untuk menerima dan memproses pembayaran yang dibuat menggunakan Kad GX melalui rangkaian MyDebit atau Mastercard. Sila ambil perhatian bahawa pilihan rangkaian adalah mengikut budi bicara peniaga dan anda tidak akan dapat meminta peniaga untuk menukarkan rangkaian pilihan mereka.

2. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

Anda boleh menggunakan Kad GX anda untuk perkara-perkara berikut:

- **Buat pembayaran dengan mudah**
  Beli barangan(-barangan) dan perkhidmatan(-perkhidmatan) di semua pedagang yang mengambil bahagian di seluruh dunia, sama ada di terminal *Point Of Sale (POS)* atau melalui transaksi *Card-Not-Present (CNP)* (contoh transaksi dalam talian). Kad GX anda hanya boleh digunakan di luar negara dan untuk transaksi CNP selepas anda memilih untuk berbuat demikian.

- **Pembayaran tanpa sentuh**
  Buat pembelian runcit dengan sentuhan Kad GX anda pada terminal POS dengan pembaca tanpa sentuhan. PIN tidak diperlukan untuk transaksi tanpa sentuhan sehingga RM250 di Malaysia.

- **Pengeluaran wang tunai di dalam dan luar negara**
  Keluarkan wang tunai daripada ATM tempatan dan luar negara dengan paparan logo MEPS dan Mastercard daripada ATM di seluruh dunia.

Ciri-ciri lain Kad GX termasuk:

- **Nombor Pengenalan Peribadi Kad (PIN)**
  - Selepas pengaktifan Kad GX anda, anda perlu membuat PIN kad 6-digit, yang akan digunakan untuk mengesahkan pembelian yang menggunakan kad anda di terminal yang memerlukan PIN dan untuk pengeluaran wang tunai.
  - Jika Kad GX anda digunakan untuk pembelian dalam talian yang memerlukan pengesahan yang kukuh, anda akan menerima notifikasi melalui Aplikasi Mudah Alih GX (*GX Mobile Application*) anda ("Aplikasi GX").
  - Sila pastikan PIN kad dan peranti mudah alih anda selamat, selamat dan sulit pada setiap masa untuk mengurangkan transaksi tanpa kebenaran atau penipuan menggunakan Kad GX anda.

- **Membolehkan transaksi di luar negara dan transaksi *Card-Not-Present* (CNP)**
  - Pada asalnya, transaksi luar negara dan transaksi CNP, seperti pembelian dalam talian, pesanan mel, pesanan faks atau pesanan telefon tidak diaktifkan untuk Kad GX.

- Anda mesti mengaktifkan ciri ini sebelum anda boleh menggunakan Kad GX anda untuk transaksi di luar negara dan transaksi CNP. Anda boleh mengaktifkan ciri ini semasa anda memohon untuk kad maya (*virtual card)* dan/ atau kad fizikal atau apabila anda log masuk ke Aplikasi GX.
- Anda boleh memilih untuk mengaktifkan atau mematikan ciri-ciri ini pada bila-bila masa melalui Aplikasi GX.

- **Tetapkan had transaksi harian**
  - Tetapkan had transaksi anda dalam Aplikasi GX mengikut tahap keselesaan anda. Had ini ditentukan oleh had maksimum untuk setiap jenis transaksi. Berikut ialah had asal dan maksimum untuk setiap jenis transaksi:

Had Transaksi	**Had Harian Asal (RM)**	**Had Harian Maksimum (RM)**
Had Pengeluaran ATM	1,500	10,000
Had Transaksi PIN & BAYAR	3,000	10,000
Had Transaksi Dalam Talian	3,000	10,000
Had Transaksi Tanpa Sentuhan	500	1,000

  - Anda boleh menetapkan had transaksi harian kepada RM0 jika anda tidak mahu mempunyai fungsi pembelian atau pengeluaran wang tunai pada Kad GX anda.

3. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

No.	**Yuran dan Caj**	**Kekerapan**	**Jumlah**
1.	Yuran pengeluaran kad baharu (kad fizikal)	Selepas pengaktifan	RM 12.00∗
2.	Yuran tahunan (kad fizikal)	Setiap tahun	RM 0.00
3.	Yuran penggantian kad (kad fizikal)	Setiap kad	RM 12.00∗
4.	Yuran pengeluaran wang tunai domestik (melalui MEPS SAN)	Setiap transaksi	RM 1.00∗
5.	Yuran pengeluaran wang tunai di luar negara (melalui Mastercard) *Nota: Ini merujuk kepada yuran yang dikenakan oleh GXBank sahaja. Ini tidak termasuk sebarang caj pihak ketiga, seperti yuran akses ATM yang dikenakan oleh bank di luar negara, yang akan ditanggung oleh pelanggan.*	Setiap transaksi	RM 0.00∗
6.	Pertanyaan baki (melalui MEPS SAN dan Mastercard)	Setiap transaksi	RM 0.00
7.	Yuran transaksi luar negara	Setiap transaksi	1.2%∗ yuran pentadbiran daripada Bank ke atas jumlah yang diurus niaga *(transacted)* dalam

			mata wang asing atau jumlah yang diurus niaga di luar negara dengan Kad GX. Kadar penukaran mata wang ditentukan oleh Mastercard.

∗Yuran GXBank diketepikan sehingga 6 Mei 2024, atau tarikh lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan notis terdahulu.

4. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama?

Jumlah pra-kebenaran untuk transaksi petrol dan bukan petrol
Apabila anda menggunakan Kad GX anda di pam layan diri (dispenser petrol automatik) di stesen minyak, jumlah penahanan pra-kebenaran sehingga RM200 (atau jumlah lain yang ditentukan oleh stesen minyak) akan diletakkan pada Akaun Ditetapkan anda. GXBank kemudiannya akan menyiarkan jumlah transaksi yang tepat dan mengeluarkan sebarang baki amaun yang ditahan daripada Akaun Ditetapkan anda dalam tempoh tiga (3) hari kalendar untuk transaksi MyDebit dan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar untuk transaksi Mastercard selepas tarikh transaksi.

Apabila anda menggunakan Kad GX anda di peniaga bukan petrol, jumlah penahanan pra-kebenaran yang ditentukan oleh peniaga atau GXBank akan diletakkan pada Akaun Ditetapkan anda. GXBank hanya akan menyiarkan jumlah transaksi yang tepat dan melepaskan sebarang baki amaun yang ditahan daripada Akaun Ditetapkan anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas peniaga menyelesaikan transaksi.

Jika Akaun Ditetapkan anda tidak mempunyai baki yang mencukupi untuk menampung jumlah pra-kebenaran, transaksi petrol atau bukan petrol akan ditolak.

Ciri Tanpa Sentuhan
Anda mengakui bahawa penggunaan Kad GX untuk transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN kad adalah terhad kepada maksimum RM250 di Malaysia. Had maksimum tanpa sentuhan bagi setiap transaksi di negara lain adalah tertakluk kepada had yang ditentukan di negara masing-masing. Jika pembelian tanpa sentuhan anda melebihi had pembelian tanpa sentuhan kumulatif, anda akan dikehendaki memasukkan PIN kad anda untuk membenarkan transaksi. Anda mempunyai pilihan untuk mengaktifkan atau mematikan fungsi tanpa sentuhan dengan menetapkan had tanpa sentuhan harian anda kepada RM0 melalui Aplikasi GX.

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Anda harus sentiasa menggunakan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan dan kecurian Kad GX anda. Anda bertanggungjawab untuk menyimpan kad anda dan tidak mendedahkan butiran dan PIN kad kepada sesiapa. Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi dalam talian dan transaksi fizikal yang memerlukan PIN kad atau pengesahan tandatangan atau penggunaan fungsi Tanpa Sentuhan, jika anda:

- melakukan penipuan;
- lewat dalam memberitahu kami secepat mungkin yang munasabah apabila mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad GX;
- secara sukarela mendedahkan PIN Kad GX anda kepada orang lain, atau membenarkan orang lain menggunakan Kad GX anda;
- merekodkan PIN kad anda pada Kad GX fizikal, atau apa-apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad GX fizikal anda; atau
- meninggalkan Kad GX anda atau barangan yang mengandungi Kad GX anda tanpa pengawasan di tempat mudah dilihat dan boleh diakses oleh orang lain.

Kami mempunyai hak untuk menamatkan Kad GX anda jika anda gagal mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat GXBank yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit.

6. Apakah risiko-risiko utama?

Jika Kad GX anda hilang, dicuri atau butiran kad atau PIN kad anda telah terjejas, pihak ketiga boleh menggunakan Kad GX anda dengan cara-cara berikut (yang mana adalah tidak terhad):

- Pembelian runcit domestik di terminal POS dan pengeluaran wang tunai ATM;
- Pembelian runcit luar negara di terminal POS dan pengeluaran wang tunai ATM (jika anda telah memilih untuk membolehkan transaksi luar negara);
- Transaksi CNP termasuk transaksi bukan 3D yang selamat yang tidak disahkan melalui pengesahan dalam Aplikasi GX (jika anda telah memilih untuk membolehkan transaksi CNP).

Jika Kad GX anda hilang atau dicuri, butiran kad atau PIN kad anda telah terjejas, atau transaksi tanpa kebenaran telah dijalankan menggunakan Kad GX anda, anda harus memaklumkan kami dengan segera untuk membolehkan kami menyekat atau membatalkan Kad GX anda. Anda juga boleh membekukan Kad GX anda buat sementara waktu untuk menghentikan transaksi selanjutnya daripada dilakukan pada Kad GX anda atau membatalkan Kad GX anda dan membuat kad baru dengan butiran kad baharu melalui Aplikasi GX.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butir-butir peribadi saya?

Anda mesti memaklumkan kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini maklumat peribadi anda melalui Aplikasi GX.

8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut atau bantuan?

Untuk maklumat lanjut atau bantuan berkenaan Kad GX, anda boleh hubungi kami di:

Laman Web	www.gxbank.my
Khidmat Pelanggan	24/7 Khidmat Pelanggan: Sembang langsung dalam aplikasi 24/7 Hotline Khidmat Pelanggan: +603 7498 3188 Emel Khidmat Pelanggan: ask@gxbank.my
Alamat Surat Menyurat	Lot 5.01, Level 5, 1 First Avenue, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Sekiranya jawapan kami terhadap sebarang pertanyaan/aduan anda tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

BNMLINK	Tel: 1-300-88-5465 Borang Web: https://bnmlink.bnm.gov.my/

9. Adakah terdapat produk kad debit lain yang tersedia?

Tiada.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran penerangan ini adalah sah mulai 31 Disember 2024.